

17 NOV 1998

APEC-BERITA-KECAMAN/I

AL GORE DIKECAM KETIKA SIDANG KEMUNCAK APEC BERMULA

Oleh: E.Sivabalan

KUALA LUMPUR, 17 Nov (Bernama) -- Naib Presiden AS Al Gore yang membawa bersamanya ke Kuala Lumpur "mesej Amerika" -- Demokrasi dan Kerajaan Sendiri -- ternyata tidak menyedari Malaysia adalah pengamal demokrasi yang memperolehi kemerdekaan dan kerajaan sendiri pada 1957.

Tidak sampai 24 jam selepas menjejaskan kakinya ke Malaysia, Gore menghalakan "peluru berpandu" Amerika ke arah ekonomi-ekonomi yang terjejas oleh krisis kerana didakwa tidak "mengendahkan gesaan bagi reformasi dan demokrasi" meskipun laporan penindasan hak asasi manusia di negara sendiri.

"Di kalangan negara-negara yang berdepan dengan krisis ekonomi, kita berterusan mendengar gesaan bagi demokrasi dalam pelbagai bahasa," kata Gore di majlis makan malam ketua-ketua Apec di sini.

Beliau cuba untuk menekankan kepada pendengar-pendengarnya yang termasuk beberapa ketua dunia serta Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan lebih 1000 pemimpin industri mengenai kepentingan bagi negara-negara terbabit untuk mempunyai ketelusan dan amalan demokrasi yang lebih baik.

Gore yang mewakili Presiden Bill Clinton bagi sidang kemuncak Apec berkata demokrasi memberikan kebenaran yang sah bahawa reformasi mestilah diefektifkan.

Kenyataan Gore itu mendapat bantahan keras dan mencetuskan kemarahan daripada kedua-dua pemimpin tempatan dan luar negara yang menuduh beliau campur tangan dalam hal ehwal tempatan dan kedaulatan negara-negara.

"Biadap", "Angkuh", "Pilih Kasih", "Tidak Bertanggungjawab" adalah antara beberapa perkataan yang digunakan untuk menggambarkan ucapan Gore itu. Bagaimanapun, ketika bercakap kepada pemberita hari ini Naib Presiden Amerika itu berkata beliau "bangga" untuk menyampaikan mesej demokrasi Amerika itu.

Beliau telah mencetuskan kemarahan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz yang menyatakan "ia adalah ucapan yang paling menjelekkan yang pernah saya dengar seumur hidup saya".

"Bagi saya, sebagai seorang menteri kerajaan, ia adalah sesuatu yang meluutkan," tambahnya.

Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong berkata ketua-ketua Apec sepatutnya tidak terpesong daripada isu-isu ekonomi.

"Ketua-ketua yang mahu membangkitkan isu-isu politik sepatutnya melakukan demikian di mesyuarat dua hala daripada menggunakannya dalam forum ekonomi serantau," kata Goh.

Perdana Menteri New Zealand Jenny Shipley berkata beliau bimbang "diplomasi megaphone" Gore akan mengancam Apec.

Kenyataan Gore turut mendapat kritikan hebat daripada orang-orangnya sendiri.

Noel Gould, anggota Majlis Perniagaan AS-Asean berkata adalah malang bahawa Gore mengambil "pendekatan berbeza yang dramatik" walaupun Malaysia menjadi tuan rumah yang "hebat" bagi forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik itu.

Sesetengahnya merasakan kenyataan Gore itu akan "terkena ke muka sendiri".

Seorang delegasi dari China berkata Dr Mahathir berjaya meraih banyak sokongan dan Gore hanya "secara asasnya menembak ke kaki sendiri". Kenyataan itu adalah tidak wajar, pada masa yang tidak tepat dan subjek yang salah."

Pemberita-pemberita yang membuat liputan dalam majlis makan malam itu di sini malam tadi berkata sebaik sahaja Gore selesai berucap dan meninggalkan majlis itu, kebanyakan ketua-ketua dan delegasi asing mendekati dan bercakap dengan Dr Mahathir.

Sementara itu, seorang delegasi Apec memutuskan untuk bertindak lebih berani dalam kritiknya terhadap ucapan Gore itu.

Beliau berkata ketika Gore bercakap mengenai demokrasi dan hak asasi manusia, lebih daripada 1.7 juta orang berada dalam penjara di Amerika Syarikat dengan lebih 60 peratus daripada mereka adalah daripada etnik minoriti.

Amnesty International, sebuah kumpulan hak asasi manusia dalam laporannya baru-baru ini yang bertajuk "Amerika Syarikat: Hak Untuk Semua" bercakap mengenai "bentuk pencabulan hak asasi manusia yang meluas dan berterusan" di Amerika Syarikat.

Kajian itu adalah mengenai "keganasan menyeluruh polis seluruh negara." Ia menyentuh mengenai penderaan seks dan fizikal banduan di mana kebanyakan ditahan dalam keadaan di luar kemanusiaan.

Pemerhati berkata dalam tempoh terdekat ini AS dituduh mengamalkan sikap pilih kasih; memberi nasihat prinsip yang mulia di dalam dan luar negara tetapi dalam masa yang sama tidak mengotakan apa yang diperkatakannya sendiri.

"Terdapat banyak fakta untuk mengkritik semula Amerika," kata seorang pemerhati politik.

-- BERNAMA

ES AAM ZK MA